From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 18 April, 2022 10:02:55 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel UPSCOB Perkemas Program Pascasiswazah

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 APRIL 2022 / 16 RAMADAN 1443H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Hasniza Norsazali
Gambar oleh: Wan Muhamad Zhafri Wan Bakar

BENGKEL UPSCOB PERKEMAS PROGRAM PASCASISWAZAH



UUM ONLINE: Unit Pengajian Siswazah UUM COB (UPSCOB) telah menganjurkan Bengkel Pemantapan Program Pascasiswazah UUM COB di EDC UUM, baru-baru ini.

Pengarah UPSCOB, Prof. Madya Dr. Wan Shakizah Wan Mohd. Noor berkata, bengkel itu bertujuan untuk menyelaras dan menyusun semula program pascasiswazah di UUM COB.

Menurutnya, bengkel selama sehari itu menjadi platform untuk pusat pengajian menyediakan jadual waktu bagi tempoh satu (1) tahun iaitu bermula trimester September 2022/2023 (A221), Januari 2022/2023 (A222) dan Mei 2022/2023 (A223).

Turut dibincangkan adalah penyusunan kelas pascasiswazah bagi trimester Mei 2021/2022 (A213) yang akan dilaksanakan secara hibrid selaras dengan notis yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UUM.

Wan Shakizah turut mengingatkan semua Pengerusi Program Pascasiswazah tentang tugas dan tanggungjawab mereka kepada pelajar pascasiswazah di pusat pengajian masing-masing.

Penolong Naib Canselor UUM COB, Prof. Dr. Mohd Amy Azhar Mohd Harif yang hadir sama ke bengkel itu berharap agar semua pusat pengajian dapat memberi kerjasama sebaiknya agar program pascasiswazah UUM COB dapat terus diperkasa dalam usaha UUM menawarkan program pengajian yang berkualiti.

Bengkel tersebut disertai Pengerusi Program Pascasiswazah dari setiap pusat pengajian di bawah UUM COB iaitu Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) dan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML).



Please consider the environment before printing this e-mail

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.